NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#13

21 Mac 2024 – 27 Mac 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Dasar Pendidikan yang Flip Flop Meresahkan 2

Jaga-jaga dengan 'Uninteded Effect' MM2H..... 4

Usah Remehkan Kenaikan Inflasi 0.2%..... 7

Lagi Isu Beras Tempatan Tidak Selesai 9

PBB Luluskan Resolusi Kecerdasan Buatan..... 12

Bagaimana Hak Anak Tak Sah Taraf?..... 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Dasar Pendidikan yang Flip Flop Meresahkan

- **Dasar pendidikan** yang sering berubah mengikut perubahan kepimpinan tertinggi Kementerian Pendidikan sangat merisaukan terutamanya ibu bapa.
- Sebagai contoh, dalam masa dasar pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (**PPSMI**) yang diperkenalkan pada oleh YAB Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr Mahathir dimansuhkan sembilan tahun kemudian.
- Selepas itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan pada masa itu memperkenalkan program dwibahasa (**DLP**) yang membolehkan ibu bapa menentukan bahasa mana yang mereka ingin gunakan untuk mengajar sains dan matematik kepada anak mereka.
- Kemudiannya ketika zaman Barisan Nasional (BN) pada 2016 mencadangkan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (**UPSR**) dan dimansuhkan oleh kerajaan Perikatan Nasional pada 2021.
- Kini, kerajaan akan memperkenalkan pula subjek berkaitan **kecerdasan buatan** atau *artificial intelligence* (AI) seawal di sekolah rendah dan diteruskan di sekolah menengah dalam mata pelajaran sains komputer, teknologi maklumat dan komunikasi, serta reka bentuk dan teknologi.
- Jika dilihat, dalam masa beberapa tahun sahaja, dasar pendidikan negara sentiasa bertukar, seolah-olah kerajaan melakukan kajian sesuatu dasar itu ke atas pelajar dan menjadikan mereka sebagai "tikus makmal" .
- Dasar yang sentiasa berubah ini perlu dielakkan kerana ibu bapa merasakan tidak ada kestabilan dalam apa yang mereka laburkan untuk masa depan anak-anak mereka dalam pendidikan. Mereka keliru dan takut untuk "melabur" dalam sektor ini kerana ketidakpastian dengan apa yang mereka akan perolehi di masa depan.

- Bagi pihak guru-guru pula, ia akan membebankan mereka akibat dasar yang berubah ini. Mereka terpaksa memberikan jawapan kepada ibu bapa setiap kali berlaku perubahan kepada polisi yang ditetapkan oleh kementerian. Malah, kerajaan sendiri akan **kerugian wang dan masa** kerana terpaksa menyediakan latihan dan fasiliti ketika sesuatu dasar baru dibuat.

- Perubahan dasar yang kerap berlaku ini sebenarnya **memberi gambaran yang salah** bahawa setiap kali berlaku perubahan pucuk pimpinan sama ada negara atau hanya di peringkat kementerian, akan berlaku perubahan dasar dan polisi.

- Ahli politik negara dilihat **suka menekan anak-anak** kita dengan mata pelajaran yang dilihat membebankan pelajar. Perubahan dasar yang kerap berlaku ini akan menyebabkan anak- anak kita tidak berasa menikmati pembelajaran dan mengakibatkan mereka benci belajar.

- Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan kaedah untuk mendidik pelajar menjadi insan yang cintakan pengetahuan dan bukan mereka tikus makmal. Tindakan ini harus dipertanggungjawabkan kepada suatu badan bebas seperti Suruhanjaya Pendidikan. Ia seharusnya membuat dan menentukan dasar pendidikan untuk suatu jangka masa yang panjang tanpa dipengaruhi oleh pertukaran kepimpinan.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendidikan-dasar-sering-berubah-punca-berlaku-defisit-kepercayaan-samuel-isaiah-419168
- https://www.malaysianow.com/my/news/2023/06/11/kesan-dasar-pendidikan-yang-sering-berubah
- https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1030434/ai-basics-be-integrated-primary-school-curriculum-2027?utm_source=facebook&utm_medium=comments

Jaga-jaga dengan 'Uninteded Effect' MM2H

- Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri (KDN) menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan mengangkat cadangan terkini bagi program **Malaysia My Second Home** (MM2H) kepada Kabinet bulan ini.
- Antara yang dipinda tahun lalu adalah jumlah **deposit tetap** dibahagikan tiga kategori iaitu platinum (RM5 juta), emas (RM2 juta) dan perak (RM500 ribu). Di samping pemohon akan menerima kelulusan dalam tempoh tiga hari bekerja, mereka tidak boleh menjual hartanah sehingga mencapai tempoh matang sekurang-kurangnya 10 tahun.
- Setakat 31 Januari tahun ini, terdapat 56,066 pemegang pas MM2H aktif terdiri daripada peserta (27,759) dan tanggungan (28,307). China kekal di tangga teratas merangkumi 44% pemegang, diikuti Korea Selatan (8.8%), Jepun (8%), Bangladesh (6.4%), United Kingdom (4%), Taiwan (3%), Amerika Syarikat, Singapura, India dan Australia masing-masing dengan 2%. Baki 9,265 atau 16.5% pemegang tidak dimaklumkan rekodnya.
- MM2H adalah suatu dasar strategik negara yang membuka pintu warga asing masuk dan menetap di Malaysia. Logiklah banyak pihak bimbang, kerana bukan sahaja pintu masuk negara tidak kukuh, terdedah dengan keluar masuk **pengintip** dari pelbagai negara, KDN juga melaporkan pada tahun 2022, bahawa lebih 1.2 juta pelancong China yang tidak keluar Malaysia dalam tempoh 2018 hingga 2021. Kementerian Dalam Negeri pernah melaporkan hanya 37 individu dari China dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dari 10 Mei 2018 hingga 15 Mei 2019.
- Antara 'unintended effect' perlu diberikan perhatian adalah:
    - **Tekanan Pasaran Perumahan**: Permintaan yang meningkat daripada pemegang MM2H boleh menyebabkan kenaikan harga hartanah di

kawasan tertentu, yang berpotensi menjadikan perumahan semakin kurang mampu milik oleh penduduk tempatan. Data perumahan yang akan dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu mengantisipasi perkara ini dan melaporkan dapatan yang bersih.

- **Cabaran Integrasi Sosial**: Sebilangan besar pemegang kad MM2H yang menetap di kawasan tertentu boleh membawa kepada cabaran integrasi sosial, kerana perbezaan budaya dan halangan bahasa boleh menimbulkan ketegangan antara pendatang baru dengan penduduk tempatan. Oleh itu, MOTAC dicadangkan untuk menjadikan keunikan bahasa Melayu dan Islam serta latar belakang sejarah sebagai nilai tambah, untuk membentuk budaya masyarakat yang menghormati naratif perpaduan mengikut Perlembagaan dan Rukun Negara. Sesuai dengan pepatah Melayu, masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.
- **Potensi Kebergantungan Ekonomi**: Walaupun jumlah mereka tidak ramai, namun pengaruhnya melalui duit tidak boleh dipandang enteng. Hasil yang dijana daripada program ini boleh menjadikan negara terdedah kepada turun naik ekonomi atau perubahan sentimen pelaburan, terutamanya jika program tersebut menjadi sumber pendapatan utama bagi sektor tertentu. Jadi, MOTAC dan KDN perlu memberikan kerjasama melalui Parlimen dengan membentangkan laporan impak MM2H yang disediakan oleh konsultan tempatan, bukan hanya KPMG Malaysia yang pernah membentang laporan kajian impak kepada kerajaan.

- Susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara 2019 tentang **pengurusan MM2H kurang cekap** dan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), apakah status terkini:

- Tahap keberkesanan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe), Jabatan Imigresen Malaysia bagi sistem pengeluaran *fixed deposit* (FD) bagi tujuan pembelian rumah, kesihatan dan pendidikan.
- Kerjasama dengan KPKT bagi penyimpanan data pembelian hartanah oleh peserta Program MM2H yang sepatutnya diintegrasikan dengan sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT.

RUJUKAN

- https://theedgemalaysia.com/node/703253
- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/14/govt-easing-mm2h-conditions-to-attract-more-applicants-says-zahid

Usah Remehkan Kenaikan Inflasi 0.2%

- Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan bahawa berlaku **kenaikan kadar inflasi** sekitar 0.2 peratus impak daripada pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (SST) yang berkuatkuasa 1 Mac 2024.

- Perkara itu dinyatakan beliau semasa menjawab soalan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) pada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri, yang ingin mengetahui kesan kenaikan cukai perkhidmatan kepada lapan peratus daripada enam peratus terhadap kos sara hidup rakyat dan pengeluaran industri dalam negara.



- Anwar yang juga Menteri Kewangan itu turut menyatakan bahawa kesan inflasi selepas peningkatan kadar SST baharu tersebut adalah sangat rendah dan tidak ketara terhadap aktiviti rakyat. Malahan, melalui peluasan skop dan perubahan kadar cukai perkhidmatan tersebut kerajaan juga dijangka mengutip hasil berjumlah RM3 bilion.

- Ironinya, jawapan yang diberikan Anwar seolah-seolah **meremehkan realiti** sebenar kesusahan dan kenaikan kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Bahkan, kerajaan dilihat sering menyatakan keyakinan bahwa ekonomi negara berada dalam keadaan yang stabil dan keperluan rakyat terurus baik.

- Hakikatnya, rakyat di bawah sedang berhempas pulas berjuang menyesuaikan diri berhadapan impak daripada pelbagai kenaikan kos barangan dan perkhidmatan. Hatta, harga barangan asas dapur juga diakui banyak pihak telah meningkat walaupun tidak dikenakan cukai SST.

- Lihat sahaja harga-harga barangan dan makanan di **bazar Ramadan** pada tahun ini, berlaku peningkatan yang sangat ketara sehingga merungsingkan para pembeli. Berdasarkan tinjauan Sinar Harian di bazar Ramadan Seksyen 13 minggu yang lalu, roti john ayam dan daging dijual pada harga RM10 manakala RM15 bagi kambing, berbanding tahun sebelumnya masing-masing RM8 serta RM10.

- Sementara itu, bagi makanan berat seperti nasi tomato turut mengalami kenaikan harga RM2 daripada tahun sebelumnya iaitu RM8 kepada RM10.

- Anwar sendiri ada mengakui berlaku peningkatan harga barangan dalam negara semasa berucap di perhimpunan bersama warga Kementerian Kewangan bulan ini sehingga perlu mengeluarkan arahan agar pemantauan perlu dibuat lebih tegas.

- Realitinya, para peniaga ini bukanlah sesuka hati memilih untuk menaikan kadar harga. Kerajaan harus sedar, meskipun pelaksanaan SST tidak dikenakan kepada servis-servis penting seperti makanan dan kesihatan, namun perluasan pelaksanaan cukai ini memberi impak kepada sektor logistik dan penyelenggaraan.

- Justeru, kerajaan tidak wajar meremehkan kesan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi rakyat pada hari ini. Sebaiknya, kerajaan harus bersikap jujur menyatakan realiti sebenar ekonomi negara serta serta tangkas mengambil langkah-langkah efektif mengurangkan kesan inflasi sedia ada.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenaikan-cukai-perkhidmatan-inflasi-naik-02-peratus-anwar-463926
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1228016/kadar-baharu-sst-tak-beri-kesan-ketara-kepada-kadar-inflasi-negara
- https://www.sinarharian.com.my/article/654381/berita/nasional/harga-juadah-popular-di-bazar-ramadan-meningkat

Lagi Isu Beras Tempatan Tidak Selesai

- Sebarang kontrak kerajaan melibatkan pengedaran beras akan menggunakan **beras putih import** (BPI) mulai April ini, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.
- "20,000 tan metrik beras putih tempatan (BPT) akan ada dalam pasaran. Begitu juga dengan stok BPT yang masih ada, kepada pengilang kita arahkan supaya ia dikilangkan dan dikeluarkan beras itu untuk digunakan orang awam," katanya ketika menggulung di Dewan Negara.



- Menurut menteri itu, negara kini mengeluarkan kira-kira 62% BPT, manakala selebihnya adalah hasil BPI. Dalam 62% itu antaranya diedarkan kepada asrama polis, asrama tentera, sekolah berasrama penuh dan zakat fitrah juga menggunakan BPT. Maka, dalam pasaran yang ada hanya tinggal lebih kurang 50% BPT. Jadi, ini merupakan langkah intervensi kerajaan bagi memastikan BPT mencukupi di pasaran.
- Dalam waktu yang sama, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) Sungai Besar, Sallehuddin Mohd Iskan berkata, lebih pelik apabila BPT yang membekalkan 60% makanan ruji negara seolah-olah digantikan dengan beras import. "Kita pun rasa hairan kenapa bekalan padi 60 peratus yang sepatutnya ada di pasaran tidak wujud, tetapi bekalan 40 peratus itu (beras import) yang menguasai pasaran sekarang, lebih hairan ia cukup untuk membekalkan beras di seluruh negara ini," tambah beliau.
- Beliau juga berkata, isu beras tidak akan selesai jika kerajaan terus berlengah dan tidak menentukan harga BPT dalam kadar segera. "Sudah pasti pengguna perlukan BPT yang asal dengan harga RM26.50 untuk 10kg seperti sebelum ini," katanya.

- Ini berikutan walaupun kerajaan memutuskan untuk menurunkan harga BPI antara RM2 sehingga RM3 ringgit sekampit, harga BPI masih tinggi iaitu antara RM38 sehingga RM45 untuk 10kg/kampit. Dengan penurunan harga BPI sehingga RM35 sekalipun, ia jauh lebih tinggi berbanding harga BPT yang diperlukan rakyat.
- Selain itu, Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Syed Abu Hussin Hafiz menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendedahkan maklumat keberadaan 140,000 metrik tan beras tempatan seperti diumumkan dalam mesyuarat NACCOL.
- "Sebenarnya, pengumuman itu mengejutkan saya dan juga Perdana Menteri sendiri sebab selama tujuh bulan ini kita kehilangan beras putih tempatan. Tetapi, bagaimana tiba-tiba dalam mesyuarat keluar pula 140,000 metrik tan sehingga Perdana Menteri dalam kenyataan berkata apabila PM naik angin, beras tempatan keluar. Ini menjadi satu tanda persoalan.
- "Jadi, saya meminta kementerian supaya disenaraikan semua kilang-kilang yang mengedarkan beras tempatan itu supaya kita tahu kilang mana yang menyimpan beras tersebut. Ini penting bagi kita untuk pastikan keberadaan beras tempatan di pasaran," katanya lagi.
- Timbul persoalan besar bagi langkah intervensi ini. Berapakah penambahan kos yang perlu ditanggung kerajaan bagi menukarkan kontrak dengan menggunakan BPI ini? Perlu diingat bahawa kos yang menggunakan duit kerajaan secara tidak langsungnya dibayar oleh rakyat.
- Keputusan kerajaan buat masa kini seolah-olah hanya "membalut luka tanpa membasuhnya" sahaja kerana masih tidak menyelesaikan masalah akar. Langkah yang tuntas daripada kerajaan diperlukan untuk menyelesaikan isu beras tempatan terutamanya apabila ia berkait dengan masalah kartel dalam negara.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/656533/berita/nasional/kontrak-kerajaan-babit-edaran-beras-guna-beras-import-mulai-april
- https://malaysiagazette.com/2024/03/26/pelik-pengilang-beli-banyak-stok-padi-tapi-beras-tempatan-tiada-di-pasaran-sallehuddin/
- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/21/140000-tonnes-of-rice-hit-the-market-today
- https://www.malaysiakini.com/news/700687

PBB Luluskan Resolusi Kecerdasan Buatan

- Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan **resolusi yang pertama** berkenaan kecerdasan buatan (AI). Selepas beberapa bulan rundingan dilakukan bersama-sama para diplomat, draf tersebut diterima tanpa sebarang pindaan oleh kesemua 193 ahli Perhimpunan itu. Resolusi ini diterima tanpa sesi undian rasmi memandangkan resolusi UNGA tidak mengikat secara undang-undang.

- Resolusi tersebut menyatakan pembangunan teknologi AI yang begitu pesat memerlukan **peraturan antarabangsa** untuk mengawal selia dan menggalakkan kerjasama dengan negara-negara miskin. Konsesus di peringkat global berkenaan "sistem AI yang selamat, terkawal dan dipercayai" amat diperlukan dalam kadar segera.

- Meskipun teknologi AI sedang melonjakkan beberapa sektor penting seperti pencegahan penyakit kanser dan ancaman perubahan iklim selain mempercepatkan kemajuan mencapai Sasaran Pembangunan Mampan (SDG), terdapat **kebimbangan** bahawa aplikasi AI akan mencetuskan marabahaya jika tidak dikawal.

- Resolusi ini antara **inisiatif terkini** oleh negara-negara dari seluruh negara untuk menentukan pembangunan AI di tengah-tengah kerisauan awam terhadap penggunaannya yang boleh mengganggu proses demokrasi, meningkatkan penipuan dan mengancam peluang pekerjaan pada masa depan.

- Antara perkara penting yang **dipersetujui** dalam resolusi ini adalah:

    a. Hak seseorang yang terdapat di luar talian (*offline*) juga mestilah sama dan turut dilindungi di atas talian (*online*).

b. Negara-negara ahli dan pemegang taruh perlu bekerjasama dan membantu negara membangun agar mereka dapat akses yang saksama dan merapatkan jurang digital.



- **Parlimen Kesatuan Eropah** pada pertengahan bulan lalu telah memberikan kebenaran untuk undang-undang yang lebih ketat terhadap AI di Kesatuan Eropah, undang-undang sedemikian yang pertama di dunia. Dijangka undang-undang tersebut akan mula berkuatkuasa pada Mei atau Jun kelak.

- Manakala pentadbiran Presiden US Joe Biden telah menekan pembuat dasar di sana untuk mengawal selia AI, namun disukarkan oleh **polarisasi** di kalangan ahli Kongres US sendiri.

- Malaysia kelihatan masih agak **ketinggalan** untuk memperkenalkan undang-undang mengawal selia AI, meskipun beberapa langkah awal sudah diambil seperti RUU Keselamatan Siber, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Malaysia 2021-2025 dan penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan di UTM.

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/en/news.php?id=2281639
- https://news.un.org/en/story/2024/03/1147831
- https://www.aljazeera.com/news/2024/3/21/the-un-approves-its-first-resolution-on-artificial-intelligence

Bagaimana Hak Anak Tak Sah Taraf?

- **Pendaftaran kelahiran** bagi seseorang individu adalah sangat penting kerana proses ini menjadi salah satu cara yang dapat menghubungkan tanggungjawab sesebuah negara dalam hal melindungi rakyatnya. Pendaftaran kelahiran membolehkan seseorang kanak-kanak mendapat penganugerahan kerakyatan atau kewarganegaraan kepada anak-anak tidak sah taraf ini.
- Pada 27 Mac 2024, kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) bernama Akta Perlembagaan (Pindaan) 2024 di mana ia akan menangani kes berkaitan anak tidak sah taraf, anak angkat dan kanak-kanak tidak bernegara (*stateless*).
- Penentuan status kewarganegaraan di Malaysia dikawal selia oleh Bahagian III (Kewarganegaraan) Perlembagaan Persekutuan, yang menggariskan terma dan syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang individu untuk mendapatkan kewarganegaraan. Sekiranya seseorang itu kelahiran di Malaysia, namun ia tidak menjamin kewarganegaraannya secara automatik sekiranya anak tersebut adalah anak yang tidak sah taraf dan tidak diketahui nasabnya.
- Antara faktor penting yang mempengaruhi pemberian taraf kewarganegaraan bagi **anak tidak sah taraf** adalah dengan mengesahkan jalur keturunan anak tersebut melalui kewarganegaraan ibu bapanya. Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah, dan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang ibu bapa yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap, mempunyai hak untuk kewarganegaraan.
- Bagi kes **anak luar nikah**, Seksyen 17, Jadual II, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan mengesahkan bahawa taraf kewarganegaraan akan ditentukan berdasarkan kewarganegaraan ibu. Prinsip ini diperkukuh dengan keputusan

Mahkamah Persekutuan dalam kes CTEB & Anor lwn. Ketua Pengarah Pendaftaran Negeri, Malaysia & Ors [2021], yang menetapkan kerakyatan anak luar nikah akan diberikan sekiranya anak tersebut disahkan dilahirkn oleh ibunya yang merupakan warganegara Malaysia. Ini bermakna anak hanya boleh menjadi warganegara sekiranya ibunya warganegara Malaysia, tanpa mengambil kira status kewarganegaraan bapa.

- Sebelum ini kerajaan Persekutuan mengambil langkah baharu dengan mengadakan **mekanisme rayuan** bagi memberi peluang kepada anak tidak sah taraf mengemukakan bukti bahawa mereka layak mendapat kewarganegaraan. Mekanisme rayuan khas ini membenarkan pihak berkuasa membuat semakan kes demi kes bagi mengangkat prinsip keadilan dan perlindungan hak kanak-kanak. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk memudahkan proses ini, menyedari keperluan untuk memberikan perlindungan yang lebih besar kepada kanak-kanak dalam situasi yang tertentu.

- Bagi anak tidak sah taraf, satu cara untuk memberikan hak kerakyatan adalah melalui pendaftaran mengikut **budi bicara Menteri Dalam Negeri** (KDN). Dalam keadaan tertentu, seperti yang difikirkan sesuai, Menteri mempunyai kuasa untuk memberikan kewarganegaraan kepada individu yang memenuhi kriteria tertentu, termasuk anak tidak sah taraf, dengan mengambil kira keadaan tertentu mereka.

- Dalam mesyuarat sebelum ini, kerajaan berhasrat untuk meminda Seksyen 1(b) dan Seksyen 1(c) Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Badan Pemerhati Hak Asasi Manusia (HAKAM) menjelaskan sebelum ini pada tahun 2022, Mahkamah Persekutuan telah menafsirkan 19B Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan sebagai satu cara untuk membenarkan anak atau kanak-kanak yang (1) terbiar dan tidak sah taraf, (2) tidak mempunyai kewarganegaraan untuk memiliki hak kewarganegaraan kerana mahkamah mengandaikan bahawa kanak-kanak tersebut mempunyai

dilahirkan (nasab) oleh ibu bapa warga Malaysia. Seksyen 19B juga menjadi saluran untuk memberikan kerakyatan kepada anak tidak sah taraf melalui proses budi bicara kerajaan.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/671445



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**